

## Pemikiran Musdah Mulia dalam Pembaharuan Pentafsiran Al-Quran

### Musdah Mulia Thought in The Reconstruction of Quranic Interpretation

KARIMUDDIN NASUTION  
MOHD FAIZULAMRI MOHD SAAD  
WAN NASYRUDIN WAN ABDULLAH

#### ABSTRAK

*Musdah merupakan seorang tokoh feminis muslimah Indonesia yang cukup dikenali dan banyak menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat. Ini disebabkan pemikiran dan pendapat-pendapatnya yang sering bertentangan dengan pendapat majoriti sarjana Islam. Salah satu ideanya adalah pembaharuan pentafsiran atau mentafsirkan semula ayat-ayat al-Quran. Beliau berpandangan telah berlaku bias dalam pentafsiran yang dibuat sarjana klasik, sehingga menyebabkan kedudukan wanita dipandang lebih rendah daripada lelaki. Selain daripada itu beliau juga menyebutkan bahawa sarjana tafsir klasik mentafsirkan al-Quran sesuai dengan budaya yang berkembang ketika itu, iaitu budaya patriarki di mana lelaki lebih dominan daripada perempuan. Sedangkan tujuan utama Islam datang adalah untuk menegakkan keadilan dan membebaskan manusia dari semua bentuk ketidakadilan, termasuk ketidakadilan gender. Musdah menegaskan, jika terdapat pentafsiran al-Quran yang tidak sesuai dengan cita-cita utama Islam tadi maka perlu untuk dikaji semula. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenal pasti pemikiran Musdah tentang pembaharuan pentafsiran al-Quran. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan merujuk bahan-bahan kepustakaan dan berbentuk analisis dokumen. Kajian ini mendapati bahawa Musdah menawarkan, bahkan membuat model pentafsiran baru. Terdapat tiga prinsip asas yang ditawarkan Musdah dalam membuat pembaharuan pentafsiran. Pertama, prinsip maqasid shari'ah yang mengandungi nilai-nilai keadilan (al-'adl), kemaslahatan (al-maslahah), kebijaksanaan (al-hikmah), kesetaraan (al-musawah), kasih sayang (al-rahmah), pluralisme (al-ta'addudiyah), dan hak asasi manusia (huquq al-insaniyah). Kedua, prinsip relativisme dengan pengertian semua pentafsiran bersifat relatif. Ketiga, menggunakan metode tafsir tematik sesuai dengan pendekatan Binti Syati'. Implikasi kajian ini adalah mendedahkan idea pembaharuan tafsir Musdah yang mana bentuknya sama dengan yang disuarakan tokoh-tokoh feminis lainnya. Umat Islam perlu lebih berhati-hati dalam memilih rujukan pentafsiran dan mengutamakan pendapat majoriti ulama dalam memahami pentafsiran ayat-ayat al-Quran.*

*Kata kunci: Pembaharuan pentafsiran; pemikiran musdah mulia; ketidakadilan gender*

#### ABSTRACT

*Musdah is one of the Indonesian feminist figures who is quite popular and have expressed a lot of controversial statement. This controversy is due to her thoughts and opinions that are often opposed to the opinion of the majority of Islamic scholars. One of her ideas is the renewal of Quranic interpretation (reinterpreting the verses of the Qur'an). According to her, there is a bias in the classical interpretation, resulting in the lower position of women compared to men. In addition, she also mentioned that the scholars of classical interpretation interpreted the Qur'an based on the culture that developed at that time, where men are supposed to be more dominant than women. On the other hand, the main goal of Islam is to uphold justice and liberate people from any forms of inequality, including gender inequality. Musdah stressed that if there is a Quranic interpretation that does not fit with the main objective of Islam then it is necessary to be reviewed. The objective of this study is to identify Musdah's thoughts on the renewal of the Quranic interpretation. This study uses a qualitative method by referring the literature materials and in the form of document analysis. The study found that Musdah wants, even makes, a new interpretation model. There are three basic principles offered by Musdah in the renewal of interpretation. Firstly, the principle of maqasid shari'ah which contains the values of justice (al-'adl), the benefits (al-maslahah), the wisdom (al-hikmah), the equality (al-musawah), love (al-rahmah), pluralism (al-ta'addudiyah), and human rights (huquq al-insaniyah). Second, the principle of relativism meaning that all Quranic interpretations is relative. Third, using thematic interpretation method following the Binti Syati' approach. This study implies that the idea of renewal of Quranic interpretation by Musdah is similar to what have been stated by other feminist figures. Muslims are expected to be more careful in selecting interpretation references and prioritizing the opinion of the majority of scholars in understanding the interpretation of Quranic verses.*

*Keywords: Reinterpreting; musdah mulia thought; gender enequality*

## PENGENALAN

Pembaharuan pentafsiran adalah membuat pentafsiran semula terhadap pentafsiran agama yang dinilai bias. Harun Nasution (1994) mendefinisikan pembaharuan Islam sebagai fikiran dan gerakan untuk menyesuaikan fahaman-fahaman agama Islam sesuai dengan perkembangan baru yang ditimbulkan oleh ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Pembaharuan dalam pentafsiran banyak disuarakan tokoh-tokoh liberal dan feminis, seperti Amina Wadud, Riffat Hassan, Fatima Mernisi dan lain-lain. Di Indonesia ada beberapa tokoh yang menyuarakan pembaharuan tafsir, seperti Harun Nasution, Nurkhalis Madjid, Dawam Raharjo, dan Musdah Mulia.

Musdah adalah seorang tokoh muslimah perempuan yang sangat gigih dalam memperjuangkan kesetaraan gender di Indonesia. Dalam menyampaikan argumen-argumen kesetaraan gender beliau merujuk kepada al-Quran dan hadith yang merupakan sumber utama Islam dalam menentukan suatu hukum. Namun begitu terdapat pentafsirannya yang bercanggah dengan pentafsiran majoriti ulama-ulama Islam dalam memahami ayat-ayat dan hadith-hadith yang berhubung kait dengan gender. Di sisi lain, usaha Musdah ini sejajar dengan feminis-feminis muslim masa kini seperti Amina Wadud, Rifaat Hasan, Fatimah Mernissi, Irshad Manji dan lain-lain (Nadra 2016). Adian (2015) menjadikan Musdah sebagai tokoh feminis, sama seperti Amina Wadud. Menurutnya konsep kesetaraan gender (*gender equality*) yang mereka perjuangkan merupakan ideologi Marxis yang tidak dapat menerima perbezaan semula jadi antara lelaki dengan perempuan.

Musdah (2011) menyuarakan supaya pentafsiran semula dilakukan terhadap pentafsiran klasik, khususnya yang berkaitan dengan hubungan lelaki dengan perempuan kerana telah berlaku penyimpangan dalam pentafsiran. Perempuan diletakkan sebagai makhluk kelas dua. Beliau membahagi ajaran Islam kepada dua kategori, iaitu ajaran dasar dan ajaran bukan dasar. Ajaran dasar adalah yang termaktub dalam al-Quran dan hadith-hadith mutawatir, ajaran ini bersifat kekal, mutlak dan tidak dapat dirubah. Manakala ajaran bukan dasar adalah ijthad ulama sejak zaman Nabi SAW hidup sampai sekarang, sepertimana yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir, fiqh dan kitab-kitab lainnya.

Demi mewujudkan pentafsiran baru, Musdah (2014) menuduh bahawa penyebab kedudukan wanita-wanita muslimat mundur selama ini adalah hasil pentafsiran agama klasik. Menurutnya umat Islam hampir sepakat bahawa ijthad dengan erti

pembaharuan pentafsiran dan pemahaman terhadap Islam diperlukan, bukan hanya setelah Nabi SAW wafat bahkan ketika masih hidup. Ada dua alasan Musdah kenapa pentafsiran klasik, khususnya dalam bidang tafsir dan fiqh perlu dikaji semula. Pertama, kerana kitab-kitab klasik ditulis di lingkungan masyarakat yang mana kekuasaan kaum lelaki sangat dominan (*male dominated society*) seperti kawasan Timur Tengah, pada masa Bani Umayyah dan Abbasiyyah. Para penulis kitab sangat dipengaruhi oleh *socio-history* dan sosiopolitik di mana mereka hidup. Kedua, kerana metodologi yang digunakan ulama-ulama klasik dinilai tidak sesuai. Oleh itu, untuk memenuhi rasa keadilan masyarakat khususnya kaum perempuan, perlu untuk dirumuskan pembangunan metodologi (*usul al-fiqh*) alternatif (Musdah Mulia 2005).

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Musdah (2004) menekankan bahawa pembaharuan tafsir terhadap teks-teks agama adalah perlu segera dilakukan demi menonjolkan kembali pegangan moral agama yang universal seperti nilai kesamarataan, persaudaraan, kebebasan, keadilan dan perdamaian. Di sisi lain, beliau juga menyatakan untuk menjawab persoalan yang muncul maka perlu melakukan penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran secara kontekstual, bukan sekadar tekstual.

## KEPERLUAN PEMBAHARUAN PENTAFSIRAN

Musdah (2011) mendakwa bahawa telah berlaku pentafsiran agama yang bias gender dan itu dipandang sebagai usaha-usaha untuk merendahkan perempuan atas nama agama. Menurutnya, dalam bidang agama ada dua masalah yang menyebabkan kedudukan perempuan dipandang lebih rendah. Pertama, kerana rendahnya pengetahuan dan pemahaman masyarakat tentang nilai-nilai agama yang berkaitan dengan peranan dan fungsi perempuan. Kedua, kerana banyaknya pentafsiran agama yang merugikan kedudukan perempuan. Contohnya pentafsiran surah al-Nisa' 4: 1, yang banyak ditafsirkan ulama bahawa manusia pertama dicipta adalah Adam. Selepas itu Hawa isterinya, yang dicipta daripada tulang rusuk Adam. Menurut Musdah (2005) pemahaman seperti ini telah menyebabkan kedudukan perempuan dipandang sebagai *the second human being*, iaitu manusia kelas dua. Padahal menurutnya, ayat tersebut menjelaskan bahawa manusia dicipta daripada jenis yang satu yang disebut dengan *nafs wahidah*. Tidak ada disebutkan penciptaan Hawa di dalam al-

Quran. Manakala hadith yang menjelaskan bahawa perempuan dicipta daripada tulang rusuk, menurut Musdah hadith itu tidak membicarakan konteks penciptaan Hawa. Beliau menyimpulkan bahawa penjelasan penciptaan Hawa daripada tulang rusuk Adam hanyalah sebuah ijthad yang sangat mungkin untuk dibantah (Musdah 2005).

Selain daripada pentafsiran di atas, masih banyak pentafsiran lainnya yang pada pandangan Musdah merendahkan kedudukan perempuan. Padahal Islam datang untuk membebaskan manusia daripada semua bentuk ketidakadilan, termasuk ketidakadilan antara lelaki dan perempuan. Beliau menegaskan jika terdapat pentafsiran yang tidak selari dengan tujuan utama Islam, maka pentafsiran tersebut perlu untuk dikaji semula supaya selari dengan cita-cita utama Islam. Musdah (2005) menyatakan ada tiga keadaan yang menyebabkan pentafsiran agama bias gender. Pertama, kerana penganut agama lebih banyak memahami agama secara dogmatik. Kedua, pengetahuan agama masyarakat secara umumnya diperolehi melalui ceramah yang disampaikan para ulama yang majoritinya adalah lelaki. Manakala yang ketiga, sebahagian pemeluk agama belum dapat membezakan antara ajaran agama yang bersifat mutlak berupa teks-teks agama yang tidak dapat diubah dan ajaran agama yang bersifat relatif berupa pentafsiran yang dapat diubah. Dalam menjalankan pembaharuan pentafsiran, Musdah menjadikan surah al-Hujurat 49: 13 sebagai rujukan utama. Menurutnya, melalui ayat tersebut dapat difahami bahawa al-Quran tidak menyatakan faham *the second sex* yang memberikan keutamaan kepada jenis jantina tertentu. Setiap orang tanpa dibezakan jenis jantinya dan suku bangsanya berpotensi untuk menjadi hamba yang bertakwa dan khalifah.

Musdah menggambarkan bahawa pada masa Nabi SAW perempuan aktif, sopan, bebas, namun tetap terpelihara akhlnya. Perempuan secara bebas memasuki semua sektor kehidupan masyarakat seperti politik, ekonomi, dan pelbagai sektor awam lainnya. Gambaran perempuan pada zaman Rasulullah SAW sangat berbeza setelah Rasulullah SAW wafat. Menurut Musdah kebanyakan perempuan Muslim tidak dapat aktif lagi di sektor awam sepertimana pada zaman Nabi SAW disebabkan dua perkara. Pertama, kerana masa kenabian terlalu singkat, hanya 22 tahun. Meskipun Nabi SAW telah berupaya semaksimal mungkin untuk mewujudkan kesetaraan gender, tetapi budaya masyarakat belum kondusif untuk menerima kenyataan itu. Masa Nabi SAW terlalu singkat untuk mengekalkan hubungan antara lelaki dan perempuan. Kedua, dunia Islam menerima dan mengambil budaya

*androcentris*, antara sistem budaya yang berorientasi lelaki. Setelah Nabi SAW wafat wilayah Islam meluas ke bekas-bekas wilayah jajahan Parsi dan Rum yang merangkumi dari Spanyol di barat hingga ke anak benua India di timur. Menurut Musdah (2011) budaya yang berlaku di wilayah tersebut sangat kuat dipengaruhi budaya patriarki yang memperlakukan perempuan sebagai *the second sex*.

Dengan semua alasan di atas, Musdah menganggap sangat perlu dilakukan pembaharuan tafsir. Dengan pengertian mentafsirkan semula ayat-ayat al-Quran yang telah ditafsirkan ulama terdahulu kerana beliau menilai pentafsiran tersebut bias atau memihak kepada lelaki. Berdasarkan perkara ini, dapat disimpulkan bahawa Musdah tidak mempercayai sikap objektif ulama terdahulu dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Pada masa yang sama juga, Musdah telah menuduh bahawa ulama terdahulu telah mentafsirkan al-Quran sesuai dengan budaya yang berkembang pada masa itu, bukan berdasarkan kajian yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran.

#### ASAS PEMBAHARUAN PENTAFSIRAN

Bermula daripada dakwaan bahawa telah berlaku bias dalam pemahaman agama, Musdah (2011) menawarkan beberapa asas pembaharuan pentafsiran yang digunakan untuk menghasilkan pentafsiran yang adil dalam mewujudkan wajah agama yang mesra bagi perempuan. Menurutnya, umat Islam gagal memelihara warisan nilai-nilai Islam sejati setelah Nabi SAW wafat. Islam sebenarnya hadir membebaskan manusia daripada belenggu tirani, diskriminasi, ketimpangan dan ketidakadilan, termasuk ketidakadilan gender (*gender inequality*). Namun sebaliknya Islam dijadikan hujah bagi mengekalkan ketidakadilan terhadap manusia, terumanya kepada kaum wanita. Tiga prinsip asas yang ditawarkan Musdah dalam membuat pembaharuan pentafsiran, sebagaimana dijelaskan di bawah ini.

#### PRINSIP MAQASID SHARI'AH

*Maqasid shari'ah* terdiri daripada dua kata iaitu *Maqasid* dan *shari'ah*. *Maqasid* bererti maksud-maksud atau matlamat tujuan, manakala *shari'ah* adalah hukum-hakam Allah yang ditetapkan untuk diamalkan manusia, demi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Wahbah al-Zuhayli (1986) mendefinisikan *Maqasid shari'ah* dengan makna-makna dan tujuan-tujuan yang dipelihara oleh syarak

dalam semua hukumnya atau sebahagian besar hukumnya atau tujuan akhir daripada syariat dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh syarak dalam setiap hukumnya. Imam al-Shatibi (2003) juga menyebutkan bahawa Allah SWT yang mensyariatkan hukum-hakam syariat-Nya bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan hamba-Nya di dunia mahupun di akhirat. Asas pemikiran *Maqasid shari'ah* ialah keyakinan bahawa di sebalik hukum yang ditentukan oleh Allah SWT ada objektif yang hendak dicapai, kecuali dalam perkara ibadat yang bersifat dogmatik atau *ta'abbudi*. Dalam mentafsirkan al-Quran, Musdah menekankan prinsip *Maqasid shari'ah*. Menurut beliau, walaupun al-Quran dan hadith banyak mengandungi hukum tetapi tidak sebanding dengan permasalahan sosial yang memerlukan hukum. Dengan kata lain, Musdah meyakini bahawa al-Quran dan hadith tidak dapat menjawab semua permasalahan sosial jika hanya menggunakan teks al-Quran dan hadith. Oleh itu, prinsip *Maqasid shari'ah* sangat diperlukan dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan untuk menjawab persoalan sosial. Di sisi lain, Musdah (2011) menyatakan bahawa pembaharuan pentafsiran tetap bersandarkan kepada sumber utama ajaran Islam iaitu al-Quran dan hadith. Namun, pemahaman terhadap kedua-dua sumber tersebut tidak semata-mata secara literal, melainkan lebih menekankan makna kontekstual yang merujuk kepada hakikat syariat (*Maqasid shari'ah*). Prinsip *Maqasid shari'ah* yang dimaksudkan beliau adalah apabila nilai-nilai keadilan (*al-adl*), kemaslahatan (*al-maslahah*), kebijaksanaan (*al-hikmah*), kesetaraan (*al-musawah*), kasih sayang (*al-rahmah*), pluralisme (*al-ta'addudiyah*), dan hak asasi manusia (*huquq al-insaniyah*) dapat diamalkan dalam setiap syariat.

Selain prinsip-prinsip di atas, Musdah juga menekankan supaya memperhatikan lima prinsip dasar hak asasi manusia yang disebut dengan *al-huquq al-khamsah*. Kelima-lima hak asasi yang dimaksudkan ialah hak hidup, hak kebebasan menyampaikan pendapat dan menunjukkan perasaan, hak kebebasan beragama, hak harta dan hak reproduktif. Menurutnya, lima prinsip hak asasi manusia ini membawa kepada pentingnya melihat manusia sebagai objek sekaligus subjek hukum dalam syariat Islam. Prinsip-prinsip di atas menurut Musdah harus dijadikan rujukan dalam membuat pentafsiran dan hukum. Jika menyimpang dari prinsip-prinsip itu, berarti telah menyalahi hukum Islam itu sendiri. Dari penjelasan pemikiran Musdah ini dapat difahami bahawa beliau menginginkan semua teks-teks agama tunduk kepada prinsip-prinsip *Maqasid shari'ah* yang disebutkan di atas. Bermula daripada asas prinsip yang seperti ini, maka Musdah

membuat pentafsiran baharu terhadap ayat-ayat yang secara tekstual memberi kelebihan kepada lelaki. Misalnya dalam hal pembahagian harta pusaka untuk perempuan, persaksian, kepimpinan dalam keluarga dan lain-lain.

Mendalami pemikiran seperti ini, Yusuf al-Qaradawi (2007) menyebutkan tiga aliran dalam memahami teks-teks agama. Pertama adalah golongan yang lebih bergantung kepada teks-teks khas, memahaminya dengan literal dan jauh daripada *Maqasid shari'ah* yang ada di sebaliknya. Mereka adalah golongan literal yang disebut dengan "*zahiriyyah*" sejak dahulu. Kedua, golongan yang bercanggah dengan yang pertama. Mereka mendakwa bahawa dalam memahami teks-teks agama, mereka berpegang kepada *Maqasid shari'ah*, sehingga kerap kali mereka memandang bahawa teks-teks al-Quran dan Sunnah yang bersifat khas adalah tidak sah. Mereka juga memandang agama adalah substantif atau isi, bukan simbol atau bentuk. Mereka menakwil al-Quran secara berlebihan, mengubah firman Allah SWT dan menolak hadith yang sahih jika tidak sesuai dengan mereka. Mereka adalah yang selalu menyeru kepada pembaharuan, tetapi kenyataannya mereka adalah penyeru kebaratan. Manakala golongan ketiga adalah golongan moderat yang tidak melupakan teks-teks khas dari al-Quran dan hadith, pada masa yang sama memisahkannya dari maksud-maksud yang bersifat global. Bahkan teks-teks khas tersebut difahami dalam bingkai maksud-maksud global. Menurut al-Qaradawi (2007), golongan ketiga ini merupakan manhaj yang patut diikuti sebagai gambaran sebenar hakikat Islam, membantah kebatilan dan berbaik sangka terhadap Allah dan Rasulullah.

Merujuk kepada tiga golongan yang disebutkan al-Qaradawi, maka Musdah dapat dikategorikan dalam golongan kedua. Hal ini dapat dibuktikan daripada beberapa pentafsiran dan pemikiran beliau yang lebih mengutamakan *Maqasid* daripada ayat-ayat al-Quran. Misalnya ketika beliau mentafsirkan al-Quran surah al-Nisa' 4: 11 tentang pembahagian harta pusaka untuk perempuan. Dalam ayat tersebut secara jelas dinyatakan bahawa bahagian anak perempuan adalah setengah bahagian anak lelaki. Namun menurut beliau, ketetapan yang seperti itu bahagian daripada pemahaman agama yang bias gender, kerana mengutamakan lelaki. Seterusnya beliau menyebutkan bahawa ayat-ayat tentang pusaka hakikatnya adalah respons al-Quran terhadap keadaan *sosio-history* yang berlaku dalam masyarakat Arab dahulu. Pada masa itu perempuan hanya sebagai objek pusaka, kemudian menjadi subjek pusaka. Jumlah

bahagian yang ditetapkan pada dasarnya langkah awal untuk memperbaiki kedudukan perempuan pada masa itu (Musdah Mulia 2012; 2005).

#### PRINSIP *RELATIVISME* DALAM PENTAFSIRAN

Prinsip kedua dalam pembaharuan pentafsiran yang ditawarkan Musdah adalah *relativisme* pentafsiran. Prinsip ini memberi pengertian bahawa semua pentafsiran bersifat relatif. Oleh yang demikian Musdah (2011) menyatakan meskipun al-Quran merupakan kebenaran yang bersifat abadi, tetapi pentafsiran tidaklah bersifat abadi. Menurutnya pentafsiran itu kebiasaannya bersifat relatif atau *nisbi* dan tidak bersifat mutlak atau *absolute*. Kemunculan dan perkembangan pelbagai mazhab fiqh merupakan bukti kuat bahawa pentafsiran itu bersifat relatif. Musdah (2011) menyatakan bahawa fiqh adalah hasil kecerdasan pemikiran ulama abad pertengahan yang isinya mengandungi empat komponen dasar iaitu masalah ibadah yang membahas hubungan manusia dengan Tuhan, muamalah yang membahas hubungan antara manusia, makhluk lain dan alam semesta, perkahwinan yang membahas hubungan manusia dengan manusia dalam kehidupan keluarga dan jenayah.

Selain menekankan prinsip *relativisme* dalam pentafsiran, Musdah (2011) juga menyatakan bahawa para *mufassir* al-Quran sukar untuk bersifat objektif dalam mentafsirkan al-Quran. Menurutnya, sehebat mana pun seorang pentafsir, sukar untuknya melepaskan diri daripada sosiobudaya yang berkembang ketika dia hidup. Bukan hanya *mufassir*, bahkan *fuqaha'*, juga sama. Oleh itu, Musdah menyatakan bahawa pembukuan pendapat-pendapat fiqh dalam suatu masyarakat yang bias gender tentu akan melahirkan kitab-kitab fiqh yang mengandungi pandangan-pandangan agama yang tidak mesra perempuan (*misogyny*). Prinsip *relativisme* pentafsiran yang disuarakan Musdah sebenarnya bukan hal baharu, ianya merupakan ruh hermeneutik falsafi yang telah diambil oleh pemikir Islam kontemporari seperti Nasr Hamid Abu Zayd, Arkoun dan Syahrur. Menurut mereka tidak ada kayu ukur yang dapat dijadikan asas untuk menilai salah atau benar suatu pentafsiran al-Quran. Oleh itu masih terbuka ruang yang sangat luas untuk membuat pentafsiran.

Nasr Hamid (2004) menyatakan bahawa metode hermeneutik menuntut pelakunya untuk menganut prinsip *relativisme* pentafsiran. Tidak ada tafsir yang benar mutlak, semuanya relatif. Pentafsiran yang benar menurut seseorang boleh jadi salah menurut orang lain. Kebenaran sangat terikat dan bergantung

kepada konteks waktu dan tempat tertentu. Pemikiran ini muncul bermula daripada pandangan Nasr Hamid (2004) bahawa pentafsiran merupakan hasil atau produk budaya pemikiran dari seorang pentafsir sebagai respons terhadap kehadiran al-Quran. Walaupun ayat-ayat al-Quran dianggap suci tetapi pentafsiran terhadap teks al-Quran sudah tidak suci. Pemikiran Nasr Hamid ini hampir sama dengan pemikiran Musdah.

Syahrur (2001) memberikan pandangan yang lebih teruk dengan menyatakan bahawa tidak mungkin seseorang dapat memahami keseluruhan makna-makna al-Quran, sama ada yang bersifat *kulli* (semua), mahupun yang bersifat *juz'i* (sebahagian). Menurutnya, seorang nabi atau rasul pun tidak dapat melakukannya kerana kemampuan memahami semua ayat-ayat al-Quran sama ada secara *kulli* (semua) dan *juz'i* (sebahagian), serta kemungkinan-kemungkinan umum dalam hal pentafsiran dan ijtihadnya adalah menjadi sekutu bagi Allah dalam hal pengetahuan.

Mendalami pemikiran ini, Fahmy Zarkasyi (2008) membuat kritikan terhadap pemikiran *relativisme* dalam pentafsiran. Menurutnya, ada kecelaruan dalam pemikiran orang-orang yang menyebutkan bahawa tidak dapat diketahui kebenaran secara mutlak atau *absolute*. Beliau mendatangkan lima bantahan terhadap pemikiran *relativisme* dalam agama. Pertama, tidak betul dakwaan orang yang mengatakan bahawa manusia tidak dapat mengetahui kebenaran secara mutlak (*absolute*), kerana pendaraban matematik  $2 \times 2 = 4$  adalah mutlak (*absolute*). Nabi Muhammad SAW pernah hidup dan membawa risalah Islam kemudian wafat adalah pengetahuan yang mutlak (*absolute*). Kedua, jika yang dimaksudkan adalah kita tidak dapat mengetahui kebenaran mutlak (*absolute*) sepertimana yang dimaksudkan Tuhan, ini bermakna ia tidak percaya terhadap kenabian Muhammad SAW. Seorang rasul yang dipercayai Allah SWT dapat menyampaikan risalah. Mustahil Allah SWT menurunkan wahyu yang tidak dapat difahami oleh rasul-Nya sendiri. Ketiga, seseorang yang mendakwa bahawa yang betul hanya Tuhan, maka orang tersebut mestinya telah mengetahui kebenaran yang diketahui Tuhan itu lebih dahulu. Jika dia tidak tahu maka mustahil ia dapat mengatakan bahawa yang benar secara mutlak (*absolute*) hanya Tuhan. Jika dia tahu maka pengetahuannya itu mutlak (*absolute*). Dengan demikian, pemikiran dan pengetahuan manusia itu boleh relatif dan boleh mutlak. Keempat, pernyataan bahawa "kebenaran itu relatif" sebenarnya juga kontradiktif (*self-contradiction*). Sebab jika hakikatnya sedemikian, maka pernyataan itu sendiri adalah termasuk relatif atau belum tentu benar. Oleh

kerana pernyataan “kebenaran itu relatif” belum tentu benar, maka memungkinkan ada pernyataan lain seperti “kebenaran itu boleh mutlak (*absolute*) dan boleh juga relatif,” pernyataan ini juga dapat dianggap benar. Kelima, dari perspektif epistemologi Islam, pernyataan bahawa pemikiran manusia itu relatif dan yang mutlak (*absolute*) hanya Tuhan dapat diterima dalam perspektif ontologi dan tidak dapat dibawa ke dalam domain epistemologi. Secara ontologi Tuhan itu memang mutlak (*absolute*) manakala manusia itu relatif. Namun secara epistemologi kebenaran dari Tuhan yang mutlak itu telah diturunkan kepada manusia melalui Nabi SAW dalam bentuk wahyu. Kebenaran wahyu yang mutlak (*absolute*) itu pula difahami Nabi SAW dan disampaikan kepada manusia. Oleh itu, manusia yang memahami risalah Nabi SAW dapat juga memahami yang mutlak (*absolute*).

Prinsip *relativisme* pentafsiran yang dijelaskan di atas banyak dijumpai dalam praktik pentafsiran Musdah. Atas dasar prinsip itu banyak pentafsiran beliau yang bercanggah dengan kesepakatan ulama tafsir. Misalnya hukum berpologami, menurut majoriti ulama hukumnya harus tetapi menurut Musdah adalah haram. Contoh lain seperti pemberian mahar dalam perkahwinan, ulama sepakat bahawa yang memberi mahar adalah lelaki tetapi menurut Musdah lelaki dan perempuan boleh memberi mahar. Dari sini dapat difahami bahawa jika diikutkan prinsip *relativisme* dalam pentafsiran maka tidak ada kebenaran yang boleh didakwa dalam agama ini. Semua orang akan punya pentafsiran masing-masing sehingga agama tidak berdiri di atas satu asas yang kuat.

#### MENGGUNAKAN TAFSIR TEMATIK

Tafsir tematik salah satu metode tafsir dari empat macam metode pentafsiran al-Quran. Al-Farmawi (1977) menyebutkan ada empat macam metode pentafsiran al-Quran iaitu metode *tahlili* (analitik), *ijmali* (global), *muqaran* (perbandingan), dan *maudū'i* (tematik). Metode tafsir tematik adalah metode yang berusaha mencari jawapan al-Quran dengan cara menghimpunkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai tujuan tertentu, yang bersama-sama membahas topik atau tajuk tertentu dan menyusunkannya sesuai dengan masa turunnya, memberi penjelasan, mengkaji hubungan ayat-ayatnya dan kemudian memberi kesimpulan (Muhammad Ghazali 2005).

Musdah (2011) menganjurkan penggunaan metode tafsir tematik dalam membuat pembaharuan pentafsiran. Beliau mengutip pendapat Aisyah binti Shati' bahawa ada lima kekurangan dalam pentafsiran konvensional. Pertama, pentafsiran

konvensional sangat dipengaruhi pandangan-pandangan sektarian (*al-ta'milah al-ashabiyyah*). Kedua, pemahaman agama yang dihasilkan model pentafsiran konvensional banyak mereka-reka perkara yang tidak ada. Ketiga, banyak dipengaruhi pandangan bukan Islam, seperti *israiliyat*. Keempat, kemukjizatan al-Quran sering diabaikan. Kelima, keunikan dan kehebatan retorik luput daripada pengamatan mufassir klasik.

Nasaruddin Umar (2000) salah seorang tokoh pentafsir corak feminis Indonesia turut menekankan penggunaan metode tematik dalam membuat pembaharuan tafsir kesetaraan gender. Menurutnya metode tematik (*mawdū'i*) lebih memfokuskan perhatian kepada ungkapan ayat-ayat al-Quran secara umum tentang suatu tema. Pada masa yang sama penganut teori tematik (*mawdū'i*) juga tetap memperhatikan teks, hanya saja tidak terfokus kepada sebuah teks dalam satu bahagian ayat, melainkan semua ayat yang membincangkan permasalahan tersebut dianalisis dengan baik, termasuk menganalisis sebab turun ayat-ayat, setelah itu baru menetapkan suatu kesimpulan.

Dalam membuat pentafsiran tematik, Musdah (2011) menekankan dengan tiga pendekatan. Pertama, memahami erti bahasa kosa kata al-Quran (*lexical meaning of any Quarnic word*). Pemahaman terhadap makna asli kosa kata al-Quran dalam ayat-ayat al-Quran sangat membantu pentafsir dalam memahami tujuan makna kosa kata sesuai dengan sebab turun ayat tersebut. Kedua, memilih dan mengkaji semua ayat yang berhubungan dengan subjek yang dikaji. Menurut Musdah (2005), dengan prinsip ini al-Quran diberi kebebasan dan autonomi untuk berbicara tentang dirinya sendiri. Dengan demikian dapat dihasilkan pentafsiran yang objektif. Ketiga, dalam memahami kata, kalimat dan struktur bahasa al-Quran mesti ada kesedaran untuk mengakui bahawa ada ayat-ayat yang turun dalam konteks khusus dan ada yang turun dalam konteks yang umum. Dengan kata lain, sesebuah pentafsiran mesti dilakukan dengan pendekatan tekstual dan kontekstual (Musdah 2011).

Pendekatan yang disebutkan Musdah (2005) di atas dapat dilihat apabila beliau menjelaskan tentang kepimpinan perempuan yang terdapat dalam surah al-Nisa' 4: 34:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan

yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.

Menurutnya, tidak satu pun ketentuan agama yang dapat difahami sebagai larangan bagi perempuan untuk menjadi pemimpin atau membatasi bidang tersebut hanya untuk lelaki. Kata *al-rijal* yang terdapat dalam ayat 34 surah al-Nisa' menurut Musdah (2005) tidak menunjukkan semua lelaki, melainkan hanya lelaki tertentu sahaja yang memenuhi syarat, seperti matang dalam berfikir dan mempunyai sifat-sifat kejantanan (*masculinity*). Oleh itu, perempuan yang memiliki sifat-sifat kejantanan disebut juga dengan *al-rajulah*. Berdasarkan penjelasan ini Musdah (2011) menyimpulkan bahawa jenis jantina lelaki bukan lah sebagai syarat untuk menjadi pemimpin. Hanya yang memenuhi syarat sahaja yang boleh menjadi pemimpin, sama ada lelaki atau perempuan. Manakala kata *qawwam* pula yang bererti pemimpin, pelindung, penanggung jawab, pendidik dan pengatur mesti dikaitkan dengan konteks turunya ayat tersebut. Beliau menegaskan bahawa ayat tersebut turun bukan dalam konteks kepemimpinan tetapi dalam konteks kekerasan dalam rumah tangga (*domestic violence*) yang sering terjadi dalam masyarakat Arab sebelum Islam. Dengan demikian, menurut Musdah (2005) ayat tersebut dimaknai "para suami tertentu saja yang dapat menjadi pemimpin bagi isterinya, dan kepemimpinan ini hanya terhad dalam ruang domestik atau rumah tangga.

Dari penjelasan dan pentafsiran di atas dapat dilihat bahawa kerangka pentafsiran tematik yang dibuat Musdah sebenarnya lebih mengambil pola pentafsiran yang dibuat oleh Binti Shati' atau nama sebenarnya Aisyah binti Abdurrahman. Hal ini berbeza dengan penjelasan al-Farmawi (1977) dan sarjana-sarjana muslim lainnya. Langkah-langkah metode tafsir tematik biasanya dengan memilih atau menetapkan masalah al-Quran yang akan dikaji secara *mawdu'i* (tematik), mencari dan menghimpun ayat-ayat yang berkaitan dengan masalah yang telah ditetapkan dan membahagi ayat *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*, menyusun ayat-ayat tersebut sesuai dengan kronologi masa turunya, disertai pengetahuan tentang latar belakang turunya ayat atau *asbab al-*

*nuzul*, mengetahui *munasabah* (hubung kait) ayat-ayat tersebut dalam masing-masing surah, menyusun tema perbahasan dalam kerangka yang sesuai, sistematis, sempurna dan utuh, melengkapi perbahasan dengan penjelasan hadith apabila dipandang perlu, sehingga perbahasan menjadi semakin sempurna dan semakin jelas. Mempelajari ayat-ayat tersebut secara tematik dan menyeluruh dengan cara menghimpun ayat-ayat yang mengandung pengertian serupa, menyatukan antara pengertian *'am* dan *khās*, antara yang *mutlaq* dan *muqayyad*, menyesuaikan ayat-ayat yang zahirnya tampak bercanggah, menjelaskan ayat *nāsikh* dan *mansūkh*, sehingga semua ayat tersebut bertemu pada satu perbahasan, tanpa ada perbezaan dan percanggahan atau pemaksaan terhadap sebahagian ayat kepada makna yang kurang tepat dan menyusun kesimpulan yang menggambarkan jawapan al-Quran terhadap masalah yang dibahas (Suryadilaga 2005).

## KESIMPULAN

Idea pembaharuan pentafsiran yang disuarakan Musdah sebenarnya bertujuan untuk mewujudkan cita-cita beliau bagi menstarakan kedudukan lelaki dan perempuan dalam semua sektor. Sama ada dalam hal ibadah, rumah tangga, sosial, ekonomi, dan politik, sehingga tidak ada perlakuan berbeza kepada lelaki dan perempuan yang disebabkan perbezaan gender mereka. Asas pentafsiran baru yang ditawarkan Musdah juga tampak berbeza dengan metode tafsir konvensional yang biasa dikembangkan ulama dalam ilmu-ilmu al-Quran dan tafsir. Dari tiga prinsip yang ditawarkan Musdah, iaitu *maqasid shari'ah*, *relativisme* dan tematik, tampak jelas beliau sangat liberal dalam memahami ayat-ayat al-Quran. Asas *maqasid shari'ah* sering menyebabkan beliau mengabaikan teks-teks agama demi mencapai matlamat yang diinginkan. Asas *relativisme* telah mengaburkan semua pentafsiran yang sudah sedia ada. Manakala asas metode tematik pula tampak berbeza dengan yang dijelaskan sarjana-sarjana Islam lainnya. Pentafsiran dan ijtihad tetap terbuka sesuai dengan tuntutan zaman, tetapi mesti mengikuti langkah-langkah pentafsiran yang benar.

## RUJUKAN

- Abu Zayd, Nasr Hamid. 2004. *Hermeneutika Inklusif*. (terj). Jakarta: ICIP.
- Alfatih Suryadilaga dkk. 2005. *Metodologi Ilmu Tafsir*. Yogyakarta: Teras.
- al-Farmawi 'Abd al-Hayy. 1977. *al-Bidayah fi Tafsir Mawdu'i*. Kairo: al-Hadrat a-Garbiyyah.

- Husaini, Adian. 2015. Problematika Tafsir Feminis: Studi Kritis Konsep Kesetaraan Gender. *Journal al-Tahrir*. 15(2): 367-388.
- Muhammad Ghazali. 2005. *Tafsir Tematik dalam al-Quran*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Musdah Mulia. 2004. *Islam Menggugat Poligami*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Musdah Mulia. 2005. *Muslimah Reformis*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Musdah Mulia. 2011. *Muslimah Sejati*. Bandung: Penerbit Marja.
- Musdah Mulia. 2012. *Perempuan untuk Pencerahan dan Kesetaraan dalam Perkahwinan dan Keluarga*. Jakarta: Yayasan Jurnal Perempuan.
- Muhammad Shahrur (2001). *Nahwa Usul al-Jadidah li al-Fiqh al-Islami*. Damaskus: al-Ahli al-Taibah wa al-Nashr wa al-Tawzi<sup>c</sup>.
- Nasaruddin Umar. 2000. *Perspektif Gender dalam Al-Quran*. Jakarta: Paramadina.
- Nur Zainatul Nadra Bint Zainol. 2015. *Konsep Adalah dan Musawah Menurut Nasir Hamid Abu Zayd*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasution, Harun. 1994. *Pembaharuan dalam Islam, Sejarah Pemikiran dan Gerakan*, Jakarta: Bulan Bintang.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2007. *Fiqh Maqasid Syariah*. (terj). Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa (2003). *al-Muawafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Zarkasyi, Hamid Fahmy. 2008. *Liberalisasi Pemikiran Islam: Gerakan Bersama Missionaris, Orientalis dan Kolonialis*. Ponorogo: CIOS-ISID.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islam*. Beirut: Dar al-Fikr.

Karimuddin Nasution  
 Pusat Kelestarian Turath Islami  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
 Email: karimuddin619@gmail.com

Dr. Mohd Faizulamri Mohd Saad  
 Pusat Kelestarian Turath Islami  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
 Email: faizam@ukm.edu.my

Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah  
 Pusat Kelestarian Turath Islami  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia  
 Email: tokwedin@ukm.edu.my